

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 June 2015

Usaha selamat mangsa gempa diteruskan

um- 9/6/2015

KUALA LUMPUR 7 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan segala usaha sedang dilakukan oleh agensi kerajaan untuk mencari dan menyelamatkan mangsa yang masih terkandas di kawasan Gunung Kinabalu.

Perdana Menteri berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara kini berada di Sabah untuk memantau situasi dan mengurus tadbir operasi di sana.

"Walaupun saya kini berada di Jeddah untuk lawatan rasmi, menteri-menteri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta agensi kerajaan yang terlibat dengan kerja menyelamatkan dan pemantauan keadaan di Sabah sentiasa memaklumkan perkembangan terkini kepada saya.

"InsyAllah, bersama-sama mereka yang ada di sini, solat hajat akan diadakan malam ini. Moga Allah SWT memelihara rakyat Malaysia terutamanya di Sabah dan memudahkan usaha menyelamatkan," katanya dalam catatan di laman Facebook miliknya hari ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri memberitahu, anggota serta aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berada pada keadaan bersiap sedia untuk dikerahkan, manakala Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) yang terdiri daripada paramedik, jurutera dan penyelamat telah pun digerakkan bagi membantu dalam apa bentuk sekalipun.

"Wajarliah kita berterima kasih kepada semua yang membantu usaha pencarian, terutamanya malim gunung yang banyak berkorban bagi membantu mangsa gempa bumi," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau amat sedih membaca laporan kejadian gempa bumi yang berlaku

Wajarliah kita berterima kasih kepada semua yang membantu usaha pencarian, terutamanya malim gunung yang banyak berkorban bagi membantu mangsa gempa bumi."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

di Sabah berikutan banyak nyawa yang terkorban, infrastruktur dan bangunan turut mengalami kerosakan serta ada juga mangsa yang belum dijumpai.

Jelas Najib, Kerajaan Persekutuan bersama kerajaan negeri Sabah akan memantau, menyediakan laporan serta mengambil tindakan segera untuk memastikan kesemua infrastruktur diperbaiki secepat mungkin demi ke-selesaian masyarakat terutamanya pelajar di Sabah.

"Sebanyak 23 bangunan sekolah dan infrastruktur seperti jalan raya yang mengalami kerosakan akibat gempa bumi.

"Saya harap semua rakyat Malaysia tidak mengira bangsa atau agama akan terus berdoa untuk keselamatan rakyat Sabah," ujar beliau.

Tambah Perdana Menteri, beliau difahamkan setakat ini, seramai 168 mangsa telah diselamatkan, dengan 18 mangsa terkorban meliputi lapan warga Singapura, empat rakyat tempatan dan seorang masing-masing dari Jepun, China dan Filipina.

"Takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang terkorban dalam gempa bumi di Sabah," kata beliau.